

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, June 13, 2019 1:11 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kerja Berpasukan Ke Arah 'Front Line' UUM Yang Lebih Profesional



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

13 JUN 2019 / 09 SYAWAL 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

KERJA BERPASUKAN KE ARAH 'FRONT LINE' UUM YANG LEBIH PROFESIONAL



UUM ONLINE: Bagi meningkatkan imej korporat yang lebih profesional dan membawa pembaharuan sebagai '*front line*' Universiti Utara Malaysia (UUM), UUM Corporate Communication atau lebih dikenali Unit Komunikasi Korporat (UKK) telah mengadakan Program Penanda Aras, Promosi dan Bengkel '*Refresh, Recharge and Rejuvenate*' (3R) ke tiga pejabat komunikasi korporat dan Istana Negara di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Program selama tiga hari itu disertai 15 staf UUM Corporate Comm. dari Seksyen Informasi dan Protokol, Seksyen Media dan Promosi, Seksyen Penerbitan, Seksyen Grafik dan Seksyen Fotografi serta Anjung Tamu (Welcome Centre).

Pengarah UUM Corporate Comm., Rasidah Rodzi berkata, tujuan program itu adalah untuk mendapatkan inspirasi dan menimba pengalaman serta pengetahuan baharu dari pejabat-pejabat komunikasi korporat terlibat dalam aspek komunikasi korporat dan cara kerja mereka selaras dengan peredaran masa.

Menurutnya, program Penanda Aras, Promosi dan Bengkel 3R itu memberi peluang dan pendedahan kepada staf UUM Corporate Comm. untuk memupuk budaya kerja berpasukan yang efektif, efisien dan berdaya saing seiring dengan era digital kini, seterusnya meningkatkan imej korporat UUM Corporate Comm.

"Fokus program dan bengkel ini adalah untuk mempraktikkan amalan pengurusan terbaik dalam aspek komunikasi korporat seperti pengurusan acara, protokol, tadbir urus, etika, korporat, media sosial, penerbitan dan perhubungan awam, promosi dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang diamalkan organisasi swasta dan badan berkanun yang dilawati itu.

"Program berimpak tinggi ini mengutamakan imej korporat yang akan menggambarkan potensi dan imej UUM Corporate Comm. bagi mencapai kualiti, kredibiliti dan integriti lebih cemerlang. Pada masa sama memberi staf UUM Corporate Comm. satu inspirasi dan aspirasi baharu secara lebih profesional bukan sahaja dalam pekerjaan, malah membantu mempromosikan UUM ke peringkat domestik dan antarabangsa," katanya.

Menurut beliau lagi, program dan bengkel yang diadakan itu juga memberi peluang meningkatkan ilmu pengetahuan dan pendedahan kepada staf untuk memperbaiki dan mempelajari amalan pengurusan kerja terbaik, seterusnya meningkatkan prestasi dan kualiti kerja.

Katanya, staf UUM Corporate Comm. dapat menerap ilmu tentang dunia korporat yang berdaya maju dan berdaya saing, kemudian mengaplikasikan ilmu baharu yang dipelajari itu dalam pekerjaan harian serta berupaya meningkatkan penglibatan, komitmen dan motivasi dalam mewujudkan suasana harmoni dalam organisasi.

Dalam program selama tiga hari itu, UUM Corporate Comm. telah mengadakan lawatan ke Taylor's University (Lakeside Campus) dan disambut mantan Pengarah UKK iaitu Marzura Abdul Malek yang memberikan penerangan secara ringkas tentang universiti itu, seterusnya membawa staf UUM Corporate Comm. melawat sekitar kampus.

Antara yang menarik perhatian dalam lawatan sekitar kampus itu ialah terdapat paparan kata-kata inspirasi daripada alumni universiti tersebut, antaranya Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Hannah Yeoh sempena ulang tahun ke-50 Taylor's University.

Pada sebelah malam, diadakan sesi pemerahan otak atau '*brainstorming*' di UUMKL yang mana pada sesi tersebut, Pengarah UUM Corporate Comm. bersama-sama staf lain membincangkan isu berbangkit atau permasalahan yang dihadapi dalam tugas hakiki setiap seksyen, seterusnya mencari jalan penyelesaian bagi penambahbaikan pada masa hadapan serta menfokuskan hala tuju UUM Corporate Comm.

Hari kedua diteruskan dengan lawatan ke Pharmaniaga Berhad dan telah disambut Pengarah Perkhidmatan Korporat, Yang Fairuz Abdul Aziz yang mana beliau telah memberikan taklimat tentang struktur organisasi tersebut dan tugas-tugas setiap jabatan yang terdapat dalam Pharmaniaga Berhad.

Pharmaniaga bukan sahaja menfokuskan kepada perkhidmatan pembekal dan pengeluar produk penjagaan kesihatan, malah turut menitikberatkan program komuniti yang banyak memberi manfaat kepada kedua pihak.

Lawatan diteruskan lagi ke Istana Negara dan warga kerja UUM Corporate Comm. telah dibawa melawat sekitar istana termasuk Balai Rong Seri yang mana berlangsungnya majlis utama negara seperti Istiadat Angkat Sumpah Perdana Menteri.

Kesempatan berada di Kuala Lumpur dimanfaatkan staf UUM Corporate Comm. yang berpeluang menziarahi Allahyarham Prof. Dr. Abd Razak Yaakub di Institut Jantung Negara (IJN) sebelum beliau meninggal dunia pada 3 Jun lalu.

Hari terakhir program di Universiti Malaya (UM), staf UUM Corporate Comm. telah disambut Timbalan Pengarah Pejabat Komunikasi Korporat (CCO), Shahzatul Ermiza Johol.

CCO UM ditubuhkan pada Ogos 2017 dibawah Naib Canselor dengan jumlah staf sepenuh masa seramai 17 orang dan CCO UM menguruskan komunikasi strategik universiti dan terlibat dalam aktiviti melibatkan protokol dan pengurusan acara, hubungan media dan publisiti serta penerbitan korporat.

Shahzatul Ermiza turut menerangkan tentang struktur CCO yang terbahagi kepada dua unit iaitu Unit Korporat dan Unit Komunikasi yang mempunyai portfolio berbeza, namun saling bergantung antara satu sama lain bagi memastikan objektif kualiti CCO dapat dilaksanakan iaitu memastikan laporan media melalui pengkalan data rasmi UM dihebahkan, memastikan permohonan khidmat nasihat majlis dan penggantungan sepanduk serta gegantung diberi maklum balas dalam tempoh tiga hari bekerja.

Di akhir program, Rasidah berharap staf UUM Corporate Comm. dapat memanfaatkan ilmu, pengalaman dan bakat secara global serta berusaha meningkatkan tahap profesionalisme UUM Corporate Comm. sebagai '*front line*' UUM, seterusnya menjadi sumber rujukan informasi bukan sahaja di peringkat kampus, malah nasional dan antarabangsa.

"Program ini menjadi wadah kepada kami untuk meningkatkan semangat kerja berpasukan yang lebih baik ke arah melahirkan sebuah pasukan yang profesional dengan bakat yang dimiliki dan secara tidak langsung membantu meningkatkan imej UUM Corporate Comm. yang kini melalui fasa penjenamaan semula," katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail



AACSB
ACCREDITED



ASSOCIATION
AMBA
ACCREDITED



EFMD
EPAS
ACCREDITED



ABEST 21
ACCREDITED



IQA
ACCREDITED



ACCREDITED



STARS
ACCREDITED



AUN-QA
ACCREDITED

Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.